

29 SEP 2000

MAHATHIR-GLOBALISASI/I

M'SIA AKAN KEKALKAN KAWALAN EKONOMINYA WALAUPUN DENGAN GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan terus menguasai ekonominya sendiri walaupun adanya ancaman globalisasi yang menekankan konsep masyarakat tanpa sempadan dan perdagangan bebas.

Beliau berkata sementara globalisasi merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan, adalah penting untuk rakyat Malaysia mencuba dan mengekalkan lagi kawalan ke atas negara sendiri sebagaimana pihak Barat cuba mengekalkan hak mereka.

"Ya, kita terima akan berlakunya globalisasi dan garis sempadan akan berkurangan daripada sebelumnya.

"Walaupun terdapat masyarakat tanpa sempadan, kita setidak-tidaknya mesti mempunyai kuasa ke atas ekonomi seperti mana juga mereka (pihak Barat) yang mahu mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas diri mereka," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Wacana Pemikir Belia Islam Kebangsaan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata globalisasi yang dipropaganda oleh pihak Barat hanya memberi kepentingan kepada mereka kerana mereka mahu negara-negara membangun seperti Malaysia dibuka sepenuhnya bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan tanpa sebarang sekatan.

"Apa yang mereka mahu ialah untuk kita membuka ekonomi supaya mereka boleh masuk. Sebahagian daripada ekonomi Malaysia telahpun dibuka, kita tertutup dalam erti kata orang asing hanya boleh menjalankan perniagaan yang tertentu sahaja dan meraih beberapa peratus sahaja daripada kepentingan syarikat dan bank-bank kita.

"Kita juga mempunyai masalah untuk mengagihkan kekayaan di kalangan bumiputera dan kaum-kaum ain. Ini merupakan syarat-syarat di mana orang-orang asing tidak suka," kata beliau.

Mengenai bahayanya orang asing memegang 100 peratus kepentingan di dalam bank dan syarikat tempatan, beliau berkata bank tempatan boleh diperlukan memberi pinjaman untuk membantu bumiputera atau mereka yang kurang bernasib baik kerana mereka (bank-bank tempatan) masih di bawah kuasa Malaysia.

"Tetapi, jika kita hilang kuasa untuk mengawal bank-bank, kita tidak boleh lagi berbuat demikian (menyuruh mereka menyalurkan pinjaman). Sudah tentu, kita tidak boleh melaksanakan dasar ekonomi baru," tambah beliau.

Dr Mahathir berkata perkara yang sama akan berlaku jika Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dibenarkan jatuh di bawah kuasa orang asing.

Beliau berkata sementara orang asing mendakwa mereka boleh mengeluarkan kereta-kereta Proton yang murah, mereka juga mungkin boleh membuat keputusan untuk menutup syarikat pembuat kereta tempatan itu.

Dengan itu, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak lagi akan ada kereta kebangsaannya. -- BERNAMA

MOT FR AA OS